PENDAKWA RAYA

lwn.

GOI CHING ANG

MAHKAMAH TINGGI, SHAH ALAM
TUAN AZMEL BIN HAJI MAAMOR PK
[PERBICARAAN JENAYAH NO. 57-1-88]
12 JUN 1993

JENAYAH DAN PROSEDUR: Seksyen 57 (1)(a) dan (b) Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 - Milikan senjata api dan amunasi tanpa kuasa yang sah - Keterangan dibawah s. 27 Akta Keterangan 1950 - Samada pertalian keterangan terputus.

Orang Yang Kena Tuduh (OKT) telah didakwa dengan 3 tuduhan dibawah s. 57(1) Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960.

Permohonan *Autrofois Acquit* di awal perbicaraan telah di tolak oleh Yang Arif Tuan Hakim.

Pihak Pembela menyarankan bahawa maklumat yang diberi oleh OKT kepada SP5 tidak wujud dan menegaskan bahawa jawapan yang diberi oleh OKT tidak tepat kepada soalannya.

Pihak Pembela juga menyarankan bahawa tulisan pada eksibit 19 berbeza dengan tulisan dalam eksibit P18.

Pihak Pembela telah menegaskan bahawa SP5 dan SP10 tidak mencatit nombor siri ketiga-tiga pucuk revolver dan oleh yang demikian pertalian keterangan barang kes itu patut di ragukan.

Berdasarkan keterangan yang diberi oleh kedua-dua pihak dan fakta-fakta dalam kes ini Yang Arif memutuskan bahawa pihak Pendakwa tidak menimbulkan satu kes *prima facie* mengenai Tuduhan ketiga terhadap OKT tetapi OKT disuruh untuk membela diri mengenai Tuduhan Pertama dan Kedua oleh kerana Yang Arif membuat kesimpulan bahawa pihak Pendakwa telah mengemukakan satu kes *prima facie* terhadap OKT mengenai Tuduhan Pertama dan kedua.

Menurut keterangan OKT dan saksi-saksinya tiga isu ditimbulkan oleh Peguambela, iaitu:

1. Mini Compo dimana barang-barang kes dijumpai adalah kepunyaan Shan Tung yang tinggal bersama OKT dan OKT tidak kenali langsung bahawa pistol ada didalam speaker mini compo itu;
2. OKT tidak pernah memberitahu SP5 jalan pergi ke rumahnya dan tidak memberi maklumat tentang pistol disitu;
3. Maklumat mengenai pistol diberi oleh SB3 terlebih dahulu dan bukan oleh OKT.

Diputuskan:

[1] Berdasarkan keterangan yang diberi oleh SP10, SP5 dan SB2 dan kegagalan pihak Pembela menunujukkan bahawa Shan Tung telah tinggal di rumah bersama OKT dan teman wanitanya, keterangan OKT mengatakan mini compo itu kepunyaan Shan Tung tidak boleh dipercayai.

[2] Mengenai isu kedua keterangan SP5 dan SP7 adalah tetap dan tekun dan tidak terjejas selepas diperiksa balas dan percakapan di antara OKT dan SP5 yang diterjemahkan oleh SP7 benar-benar wujud.

[3] Selepas menimbang keterangan yang diberi oleh saksi-saksi kedua-dua pihak mengenai isu yang ketiga, kebolehpercayaan keterangan Lim Bak Hai tanpa sokongan dari saksi lain terlalu sukar diterima. Lagipun keterangan saksi-saksi Pembela bercanggah di antara satu sama lain dan ini menjejaskan keterangan OKT.

[4] Berdasarkan kesemua keterangan yang dikemukakan pihak Pembela telah gagal menimbulkan apa juga keraguan terhadap kes pihak Pendakwa. Disamping itu Pihak Pendakwa telah berjaya membuktikan Tuduhan Pertama dan Kedua terhadap OKT pada tahap "beyond a reasonable doubt".

[5] Oleh yang demikian OKT bersalah di atas Tuduhan Pertama dan Kedua dibawah s. 57(1)(a) dan (1)(b) masing-masing, Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 dan dijatuhkan hukuman mati yang mandatori.

[Hukuman mati keatas OKT diatas Tuduhan Pertama dan Penangguhan hukuman terhadap Tuduhan Kedua].

Kes-Kes yang dirujuk:

Pang Chee Meng lwn. Pendakwa Raya [1992] 1 CLJ 39 / [1992] SCR 1 ***(dibezakan)***

Sun Kum Heng lwn. Public Prosecutor [1993] 1 CLJ 109 / [1992] 2 MLJ 826 ***(dibezakan)***

Liow Siow Long lwn. Public Prosecutor [1970] 1 MLJ 40 ***(dirujuk)***

Public Prosecutor lwn. Tan Keo Hock [1982] CLJ 374 / [1982] 2 MLJ 190 ***(dibezakan)***

Public Prosecuto lwn. Liew Sam Seong [1982] 1 MLJ 223 ***(dibezakan)***

Akta-Akta yang dirujuk:
Akta Keselamatan dalam Negeri 1960, s. 57(1)(a) dan (b)
Akta Keterangan 1950, s. 27

Bagi pihak Pendakwa Raya - Rusli Zain, TPR
Bagi pihak Tertuduh - Eugene Tan; T/n. Eugene Tan & Co.

ALASAN PENGHAKIMAN

Azmel bin Haji Maamor PK:
Orang Yang Kena Tuduh (OKT) telah didakwa dengan 3 tuduhan di bawah s. 57(1) Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, seperti berikut:

Pertuduhan Pertama:

Bahawa kamu pada 24 Jun 1988, jam lebih kurang 7.00 petang bertempat di rumah No. 65, Jalan SJ 32, Taman Selayang Jaya, Selayang, di dalam Daerah Gombak, di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan iaitu satu kawasan keselamatan sepertimana yang diistiharkan oleh Yang Di Pertuan Agung mengikut pengistiharan P.U.(A) 148 bertarikh 15 Mei 1969, tanpa alasan yang sah telah ada di dalam milik kamu:

(i) sepucuk Revolver jenis SMITH & WESSON .38 MOD 36 2". No. siri 539639;
(ii) sepucuk Revolver jenis SMITH & WESSON .38 MOD 10-5 2". No. siri 46597;
(iii) sepucuk Revolver jenis COLT COBRA, .38 No. siri 5/1013

tanpa kuasa yang sah dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah s. 57(1)(a) Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, dan boleh dihukum di bawah s. 57(1) Akta yang sama.

Pertuduhan Kedua:

Bahawa kamu pada 24 Jun 1988, jam lebih kurang 7.00 petang bertempat di rumah No. 65, Jalan SJ 32, Taman Selayang Jaya, Selayang, di dalam Daerah Gombak, di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan, iaitu satu kawasan Keselamatan sepertimana yang diistiharkan oleh Yang Di Pertuan Agung mengikut pengistiharan P.U.(A) 148 bertarikh 15 Mei 1969, tanpa alasan yang sah telah ada di dalam milik kamu amunisi iaitu sejumlah 51 butir peluru hidup jenis .38 special, tanpa kuasa yang sah dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah s. 57(1)(b) Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 dan boleh dihukum di bawah s. 57(1) Akta yang sama.

Pertuduhan Ketiga:

Bahawa kamu pada 24 Jun 1988, jam lebih kurang 7.00 petang bertempat di rumah No. 65, Jalan SJ 32, Taman Selayang Jaya, Selayang, di dalam Daerah Gombak, di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan, iaitu satu kawasan keselamatan sepertimana yang diistiharkan oleh Yang Di Pertuan Agung mengikut pengistiharan P.U.(A) 148 bertarikh 15 Mei 1969, tanpa alasan yang sah telah ada di dalam milik kamu amunisi iaitu:

(1) Sebutir bom tangan bertulis 'GRENADE HAND FRAG DELAY K 400 COMP B LOT EC-85J605-032',
(2) sebutir bom tangan

tanpa kuasa yang sah dan dengan itu, kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah s. 57(1)(b) Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 dan boleh dihukum di bawah s. 57(1) Akta yang sama.

Di awal perbicaraan Peguambela telah membuat satu permohonan *Autrofois Acquit*. Setelah mendengar hujah-hujah daripada kedua belah pihak saya telah memutuskan untuk menolak permohonan itu dan meneruskan perbicaraan.

Fakta kes yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan adalah dengan ringkas seperti berikut.

Pada 23 Jun 1988 hasil dari maklumat yang diterima satu pasukan polis telah pergi ke rumah No. 5 Jalan Indah 4, Taman Selayang Indah, Selayang dan menangkap 5 orang lelaki Cina yang disyaki terlibat dalam kes rompakan bersenjata di Cheras. Seorang daripadanya ialah OKT. Empat orang yang lain ialah:

1. Lim Bak Hai
2. Wong Weng Fook
3. Heng Choon Wah, dan
4. Khor Teik Lee.

Kesemua mereka telah ditahan di Ibu Pejabat Kontingen Polis Shah Alam. Soal siasatan telah dijalankan oleh satu pasukan polis yang diketuai oleh ASP Hanafiah bin Mohd. Nor (SP5) ke atas kelima-lima lelaki Cina itu termasuk OKT. Pada 24 Jun 1988 jam lebih kurang 6.30 petang di dalam soal siasatan yang dilakukan terhadap OKT, SP5 telah bertanya kepada OKT.

"Mana itu pistol?" dalam Bahasa Malaysia. Soalan ini telah diterjemahkan kepada OKT dalam Bahasa Teochew oleh DPC Loh Choo Haw (SP7).

OKT telah memberi jawapan dalam Bahasa Teochew dan diterjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia oleh SP7. Jawapan OKT ialah:

> Saya ada simpan 3 pistol dalam rumah saya di Selayang.

SP5 bertanya lagi kepada OKT melalui SP7:

> Boleh tunjuk?

OKT menjawab melalui SP7:

> Boleh.

Apabila menerima maklumat tersebut dengan serta merta SP5 bersama SP7, D/Kpl Rajakopal telah pergi ke rumah di alamat No. 65, Jalan SJ 32, Taman Selayang Jaya, Selayang dengan menaiki kereta yang dipandu oleh DPC Zainal Abidin dan ditunjukkan oleh OKT.

SP5 dan pasukannya telah sampai ke rumah tersebut pada lebih kurang jam 7.00 petang. Pintu rumah itu berkunci. Oleh itu SP5 telah menyuruh D/Kpl Rajakopal untuk memecahkan pintu rumah itu. Setelah masuk di dalam rumah tersebut SP5 telah meminta OKT menunjukkan dimana dia simpan pistol itu. OKT telah menunjukkan dengan mulutnya ke arah sebelah kiri ruang tamu di mana terletak sebuah radio mini compo di atas lantai. Pada waktu itu SP5 bertanya kepada OKT.

> Di mana pistol tersebut?

DPC Loh (SP7) telah menterjemahkan soalan ini kepada OKT dalam Bahasa Teochew dan jawapan OKT telah diterjemahkan oleh DPC Loh ke dalam Bahasa Malaysia, iaitu:

> Pistol disimpan dalam speaker box mini compo itu.

SP5 telah mengarah D/Kpl Rajakopal membuka speaker box sebelah kiri yang ditunjukkan oleh OKT. Apabila dibuka speaker sebelah kiri itu mengandungi 3 pucuk revolver dan 51 butir peluru-peluru. Jenis revolver itu adalah seperti berikut:

1. Smith & Wesson Model 36
2. Smith & Wesson Model 10-5, dan
3. Colt Cobra.

Peluru 51 butir itu dijumpai di dalam keadaan yang berikut:

1. 5 butir peluru di dalam chambers revolver S & W Model 36;
2. 6 butir peluru di dalam chambers revolver S & W Model 10-6;
3. 6 butir peluru di dalam chambers revolver Colt Cobra;
4. 13 butir peluru di dalam kotak lighter warna coklat jenama "Corona";
5. 9 butir peluru di dalam kotak lighter warna hitam jenama "Unilite"; dan
6. 12 butir peluru di dalam kotak lighter warna hitam.

SP5 kemudiannya mengarahkan D/Kpl Rajakopal membuka speaker box sebelah kanan. Waktu speaker box sebelah kanan itu dibuka didapati di dalamnya mengandungi 2 bungkusan yang dibalut dengan kertas surat khabar Cina. Bungkusan-bungkusan itu dibuka dan didapati mengandungi bom tangan jenis seperti berikut:

1. Bom tangan jenis 36; dan
2. Bom tangan bertulis Comp.B. Lot EC85J605.

SP5 telah memeriksa kesemua bahagian rumah tersebut. Tidak ada apa-apa barang yang dijumpai selain dari kad pengenalan kepunyaan Chee Wai Ling, paspot terhad Malaysia kepunyaan Khoo Bee Bee dan paspot antarabangsa Malaysia kepunyaan OKT di satu bilik tidur bahagian atas rumah itu. Rumah itu telah disewa oleh OKT daripada Muhamad Hanifah bin Uda Tasir (SP4). Mengikut siasatan polis, OKT tinggal di rumah tersebut bersama teman wanitanya, Khoo Bee Bee yang kini tidak dapat dikesan di mana dia berada.

Setelah selesai pemeriksaan rumah itu SP5 telah balik ke IPK Shah Alam bersama-sama dengan OKT dan membawa balik semua barang kes yang dirampas. Pada 25 Jun 1988 jam lebih kurang 2.50 pagi SP5 telah menyerahkan semua barang kes yang dirampas dari rumah No. 65, Jalan SJ 32, Taman Selayang Jaya itu kepada Pegawai Penyiasat Inspektor Husin bin Mohd. Yusof (SP10).

Mengikut keterangan SP10, apabila menerima barang-barang kes itu daripada SP5 pada 25 Jun 1988 jam lebih kurang 2.50 pagi, SP10 telah menyimpan semua barang kes itu di dalam kabinet di dalam pejabatnya yang dikunci dan SP10 sendiri menyimpan kunci kabinet itu. Pada 6 Julai 1988 jam lebih kurang 4.25 petang SP10 telah menghantarkan Exhibit yang berikut kepada Pegawai Persenjataan ASP Syed Mustaffa bin Syed Nordin (SP3) untuk pemeriksaan beliau. Exhibit itu adalah seperti berikut:

1. Revolver .38 Special Smith & Wesson laras 2 inci model 36 yang dibungkus dalam Envelop bertanda A yang berseal;

2. Revolver .38 Special Smith & Wesson Heavy Barrel Model 10-5 yang dibungkus dalam satu Envelop bertanda B yang berseal;
3. Revolver 38 Special Colt Cobra yang dibungkus dalam satu Envelop bertanda C yang berseal;
4. 2 butir bom tangan yang berbalut dengan kertas surat khabar Cina dan dibungkus dengan satu Envelop bertanda D yang berseal; dan
5. 51 butir peluru hidup .38 Special yang dibungkus dengan satu Envelop bertanda E yang berseal.

ASP Syed Mustaffa (SP3) adalah Pegawai Persenjataan Selangor yang mempunyai kelayakan dan pengalaman yang lengkap bagi memeriksa senjata api. Kebolehan dan kelayakan SP3 sebagai seorang pegawai persenjataan tidak diragui oleh pihak Pembela. SP3 telah memeriksa Exhibit-Exhibit yang diterima daripada SP10. Mengikut keterangan SP3 dari pemeriksaan dan ujian yang dijalankannya ketiga-tiga revolver itu elok dan boleh digunakan. Di dalam ujiannya SP3 telah menggunakan 9 butir peluru yang diterima daripada SP10 untuk diuji tembak. Keputusan dari ujian itu SP3 percaya semua peluru yang diterimanya adalah elok dan boleh digunakan. SP3 juga percaya kedua-dua bom tangan itu elok dan boleh digunakan kerana mempunyai sifat yang cukup. Pada 10 Disember 1992 kedua-dua bom tangan itu telahpun diuji dan keduanya telah diletupkan. SP3 mengesahkan kedua-dua bom itu berfungsi dengan eloknya.

SP3 juga telah mengesahkan nombor siri ketiga-tiga revolver itu seperti berikut:

1. Dari Envelop A - Revolver .38 Special Smith & Wesson laras 2 inci Model 36 bernombor siri 04009; (Exhibit P9);
2. Dari Envelop B - Revolver .38 Special Smith & Wesson Heavy Barrel Model 10-5 bernombor siri 46597; (Exhibit P11);
3. Dari Envelop C - Revolver .38 Special Colt Cobra bernombor siri 5/1013 (Exhibit P13).

Pihak pendakwa telah mencuba mengemukakan percakapan beramaran OKT melalui ASP Lim Peng Soon (SP9). Di akhir perbicaraan dalam perbicaraan mengenai percakapan beramaran OKT itu, saya telah memutuskan untuk menolak kemasukan percakapan beramaran OKT itu sebagai keterangan.

Perkara yang perlu diputuskan di dalam perbicaraan ini ialah samada barang-barang kes yang berikut:

1. 3 pucuk revolver - Tuduhan Pertama;
2. 51 butir peluru - Tuduhan Kedua, dan
3. 2 butir bom tangan - Tuduhan Ketiga

yang dijumpai di rumah No. 65 Jalan SJ 32, Taman Selayang Jaya, Selayang, berada di dalam milikan OKT mengikut s. 57(1) Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Beban bagi pihak Pendakwa untuk membuktikan bahawa OKT memiliki barang kes yang tersebut di atas ialah pada tahap "beyond reasonable doubt."

Dari keterangan yang dikemukakan termasuk keterangan Mohd. Hanifah (SP4) saya dapati rumah tersebut adalah disewa dan diduduki oleh OKT. Di samping OKT, SP4 juga ada mengatakan bahawa ada seorang wanita Cina yang tinggal bersama-sama OKT di rumah tersebut. Dan juga waktu rumah itu diperiksa oleh ASP Hanafiah (SP5) beliau mendapati pakaian wanita di dalam bilik pertama dan paspot terhad kepunyaan Khoo Bee Bee. Pegawai Penyiasat (SP10) juga mengatakan bahawa Khoo Bee Bee adalah teman wanita OKT. Di atas keterangan yang dikemukakan itu saya berpendapat OKT telah tinggal di rumah No. 65 itu bersama-sama teman wanitanya Khoo Bee Bee. Dari fakta-fakta itu, kesimpulan yang saya dapati ialah kawalan dan jagaan rumah itu bukanlah dipegang oleh OKT seorang diri.

Dari keterangan saksi-saksi pihak Pendakwa perkara yang melibatkan OKT dengan barang-barang kes yang tersebut di atas ialah percakapan OKT kepada ASP Hanafiah (SP5) di bawah s. 27 Akta Keterangan. Soalnya sekarang ialah samada kebenaran percakapan OKT kepada SP5 di bawah s. 27 Akta Keterangan itu boleh diterima sebagai keterangan di dalam kes ini.

Di dalam isu ini fakta utama yang perlu dipertimbangkan ialah keterangan SP5. Soal yang timbul ialah samada keterangan SP5 mengenai isu ini boleh dipercayai. Pihak Pembela menyarankan bahawa maklumat yang kononnya diberi oleh OKT itu tidak wujud. Pihak Pembela berkata jawapan yang diberi oleh OKT itu adalah tidak tepat kepada soalan yang ditanya. Di dalam soal ini saya berpendapat

perkara yang perlu ditentukan ialah apakah jawapan OKT yang sebenar waktu menjawab soalan SP5 dan bukannya apakah jawapan yang sempurna dan yang tepat yang patut diberi oleh OKT. Saya dapati saranan pihak Pembela itu adalah bergantung kepada anggapan semata-mata. Tanpa apa-apa fakta yang menyokong saranan pihak Pembela itu adalah sukar bagi Mahkamah untuk menerimanya.

Keterangan SP5 telah disokong oleh SP7. Bahkan SP7 telah bertindak sebagai penterjemah di antara SP5 dengan OKT. Kedua-dua SP5 dan SP7 telah diperiksabalas oleh pihak Pembela dan saya dapati tidak ada sebab mengapa keterangan mereka tidak boleh dipercayai.

Tambahan lagi SP5 telah mencatitkan percakapannya dengan OKT di dalam buku catitannya Exhibit P19. Pihak Pembela telah menegaskan bahawa Exhibit P19 bukan ditulis oleh SP5. Peguambela mengatakan tulisan pada Exhibit P19 adalah berbeza dengan tulisan pada Exhibit P18 (Borong Bongkar) yang mana mengikut keterangan SP5 kedua-duanya adalah ditulis oleh SP5. Pihak Pembela menyarankan tulisan pada Exhibit P19 adalah berbeza dengan tulisan pada Exhibit P18. Oleh itu satu keraguan telah timbul. Adalah diperhatikan bahawa Exhibit P18 ditulis dengan huruf besar. Tetapi Exhibit P19 ditulis dengan huruf kecil dan bersambung. Perlu diingat pihak Pembela di dalam pemeriksaan balas tidak menyangkal bahawa P18 dan P19 adalah ditulis oleh orang yang berlainan. Cuma di dalam hujahan Peguambela isu ini telah dibangkitkan. Oleh itu pengakuan SP5 mengenai P18 and P19 ditulis oleh beliau tidak disangkal. Oleh yang demikian tanpa keterangan yang lain terutama dari keterangan pakar tulisan, Mahkamah tidak ada sebab yang menasabah menolak keterangan SP5 mengenai isu ini. Dalam perkara ini pihak Pembela tidak pula membuat apa-apa permohonan supaya Exhibit P18 dan Exhibit P19 diperiksa oleh pakar tulisan untuk menentukan bahawa P18 dan P19 ditulis oleh orang yang berlainan.

Sayugia diingat Exhibit P19 adalah buku catitan SP5. Buku catitan yang asal telahpun dikemukakan di Mahkamah. Exhibit P19 yang dijadikan exhibit ialah kertas photocopi muka surat yang berkenaan pada buku catitan SP5 itu. Oleh itu soal siapa yang menulis Exhibit P19 tidak mungkin dapat dipertikaikan kerana itu adalah buku catitan SP5 sendiri. Kemungkinan bagi orang lain menulisnya, adalah terlalu remote. Tambahan lagi SP7 di dalam keterangannya mengesahkan bahawa beliau melihat SP5 membuat catitan di dalam buku catitan itu pada petang 24 Jun 1988. Soal samada Exhibit P18 ditulis oleh SP5 atau orang lain tidak begitu penting asalkan Exhibit P18 ditandatangani oleh SP5 untuk mengesahkan barang-barang yang dirampas seperti di dalam Exhibit P18 itu adalah benar. Exhibit P18 telah ditandatangani oleh SP5 dan juga oleh OKT. Fakta ini tidak disangkal langsung oleh pihak Pembela. Tidak ada sebab mengapa kebenaran kandongan Exhibit P18 itu diragui.

Di samping itu SP5 juga telah mencatitkan maklumat yang diberi oleh OKT kepadanya di dalam laporan polisnya Exhibit P20. Perbuatan SP5 ini telah menambahkan keyakinan saya mengenai kebenaran keterangan SP5 mengenai isu ini.

Di atas keterangan yang diberi oleh SP5 dan disokong oleh SP7 berserta dengan adanya catitan dibuat oleh SP5 di dalam buku catitannya P19 dan juga catitan di dalam laporan polis P20 saya berpuas hati di atas kebenaran keterangan SP5 mengenai percakapannya dengan OKT pada hari yang berkenaan dan percakapan OKT itu boleh diterima sebagai keterangan di bawah s. 27 Akta Keterangan. Waktu memutuskan untuk menerima keterangan SP5 mengenai percakapan OKT itu saya telah menimbang dan mengambil kira mengenai bahaya-bahaya penerimaan keterangan di bawah s. 27 Akta Keterangan seperti apa yang diingatkan oleh Y.A.A. Abdul Hamid, KHN di dalam kes *Pang Chee Meng lwn. Pendakwa Raya* [1992] SCR 1. Saya telah mendapati bahawa fakta-fakta kes *Pang Chee Meng* adalah berbeza dengan fakta-fakta kes ini. Keterangan PW1 dan PW6 di dalam kes *Pang Chee Meng* didapati bercanggah. Tetapi di dalam kes ini keterangan SP5 dan SP7 adalah konsisten. Saya dapati keterangan SP7 menyokong keterangan SP5 mengenai isu ini.

Mengikut keterangan SP5 jawapan OKT kepada soalan SP5 waktu disoal siasat di IPK Shah Alam ialah:

> Saya ada menyimpan tiga pistol di rumah saya di Selayang.

Kemudian waktu berada di rumah No. 65 itu apabila ditanya oleh SP5 di mana pistol itu. OKT menjawab:

> Pistol disimpan dalam speaker box mini compo itu.

Pasukan polis telah membuka speaker box mini compo itu dan telah menjumpai tiga pucuk revolver. Dengan hal yang demikian saya berpuas hati bahawa syarat-syarat di bawah s. 27 Akta Keterangan telah dipenuhi.

Bagaimanapun di atas pemeriksaan lanjut pasukan polis itu telah menjumpai 2 butir bom tangan di dalam speaker box sebelah kanan (P21A). Di dalam percakapan OKT kepada SP5 OKT tidak menyebut langsung bahawa beliau ada menyimpan bom tangan. Perjumpaan bom tangan itu pula adalah semata-mata melalui pemeriksaan pihak polis. Oleh itu saya berpendapat di atas keterangan yang dikemukakan OKT tidak boleh dilibatkan dengan pemilikan kedua-dua bom tangan itu. Seperti apa yang telah saya putuskan di atas, rumah itu bukan di dalam kawalan dan jagaan OKT seorang diri. Oleh yang demikian pihak pendakwa tidak menimbulkan satu kes *prima facie* mengenai Tuduhan Ketiga terhadap OKT. Dengan itu saya memutuskan supaya OKT dibebaskan dan dilepaskan dari Tuduhan Ketiga.

Bagaimanapun saya berpuas hati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan pemilikan ketiga-tiga Revolver itu oleh OKT pada tahap "beyond reasonable doubt". Mengikut s. 57(1) Akta Keselamatan Dalam Negeri beban untuk membuktikan bahawa pemilikan revolver-revolver oleh OKT itu sah adalah dipikul oleh OKT, "on a balance of probabilities".

Mengenai 51 butir peluru itu pula oleh kerana peluru itu dijumpai bersama-sama dengan 3 pucuk revolver tersebut di dalam speaker box yang sama yang ditunjukkan oleh OKT kepada SP5 maka saya berpendapat OKT juga telah memiliki 51 biji peluru itu yang mana 17 butir peluru dijumpai di dalam chambers tiga revolver tersebut. Dengan itu saya memutuskan bahawa pendakwa telah juga berjaya membuktikan bahawa OKT telah memiliki 51 butir peluru itu pada tahap "beyond reasonable doubt".

Mengenai isu pertalian keterangan (Chain of Evidence) terhadap perjalanan barang-barang kes yang berkenaan, iaitu 3 pucuk revolver dan 51 butir peluru itu, dari keterangan-keterangan SP5, pegawai yang merampas barang kes itu, SP10, pegawai penyiasat yang menerima barang kes itu daripada SP5 dan menyimpannya dan seterusnya menyerahkannya kepada SP3 dan kemudian menerima kembali dari pegawai persenjataan yang memeriksa barang kes itu (ASP Syed Mustaffa), saya berpuas hati bahawa keterangan mengenai perjalanan barang-barang kes itu tidak pernah putus. Di dalam perkara ini SP3 telah menerangkan dengan jelasnya mengapa 51 butir peluru yang diterima olehnya itu sekarang menjadi 42 peluru hidup dan 9 kelongsong peluru. 9 butir peluru telah digunakan untuk menguji tembak ketiga-tiga revolver itu bagi menentukan servicerbility ketiga-tiga revolver tersebut dan juga menguji servicerbility peluru-peluru itu. SP3 di dalam keterangannya telah mengesahkan bahawa ketiga-tiga revolver itu adalah baik dan boleh digunakan. SP3 telah mengesahkan bahawa 51 butir peluru itu adalah baik dan boleh digunakan (serviceable).

Soal yang dibangkitkan oleh pihak Pembela bahawa SP5 dan SP10 tidak mencatit nombor siri ketiga-tiga pucuk revolver itu dan oleh itu pertalian keterangan barang kes itu patut diragukan, saya berpendapat bahawa sebelum isu itu dibangkitkan pihak Pembela hendaklah menunjukkan waktu-waktu di mana di dalam perjalanannya ketiga-tiga revolver itu mempunyai kemungkinan telah bertukar ganti identitinya. Hanya jika peristiwa ini ada berlaku dan diragukan oleh pihak Pembela maka barulah soal SP5 dan SP10 tidak mencatit nombor siri ketiga-tiga revolver itu menjadi relevan. Di dalam kes ini ketiga-tiga saksi SP5, SP10 dan SP3 mengaku bahawa revolver yang dikemukakan di Mahkamah di dalam kes ini adalah ketiga-tiga revolver yang berkenaan. Dan saya tidak nampak apa-apa bukti yang ditimbulkan bahawa barang kes itu mungkin bertukar ganti waktu diserah milik dari SP5 kepada SP10, dari SP10 kepada SP3 dan akhirnya dari SP3 kembali kepada SP10. Saya dapati fakta kes ini adalah sangat berbeza dari fakta kes *Sun Kam Heng lwn. Public Prosecutor* [1992] 2 MLJ 826. Perlu juga dinyatakan bahawa SP5 ada mencatitkan jenis model ketiga-tiga revolver di dalam Exhibit P18 yang secara kebetulan jenis model revolver itu adalah berlainan di antara satu dengan yang lain.

Di atas keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwa, saya berpuas hati bahawa Exhibit P9, P11 dan P13 (tiga pucuk revolver) dan 42 butir peluru (P15A) dan 9 kelongsong peluru (Kesemua berjumlah 51 butir peluru) itu adalah barang-barang kes yang dirampas oleh SP5 pada 24 Jun 1988 jam lebih kurang 7.00

petang di rumah No. 65, Jalan SJ 32, Taman Selayang Jaya, Selayang yang diduduki oleh OKT.

Oleh itu saya memutuskan bahawa pihak pendakwa telah dapat mengemukakan satu *prima facie* kes terhadap OKT mengenai Tuduhan Pertama dan juga Tuduhan Kedua. Dengan ini OKT disuruh untuk membela diri mengenai Tuduhan Pertama dan juga Tuduhan Kedua.

Di dalam pembelaannya OKT telah menafikan pengetahuannya mengenai revolver dan peluru yang disimpan di rumahnya di No. 65 Jalan SJ 32, Taman Selayang Jaya, Selangor di dalam speaker mini compo itu. OKT juga telah menafikan membuat apa-apa kenyataan kepada ASP Hanafiah (SP5) mengenai revolver dan peluru itu. Seterusnya OKT menafikan bahawa beliau menunjukkan kepada pihak polis jalan pergi ke rumahnya. Menurut keterangan OKT di dalam perjalanan ke rumahnya polis telah menutup matanya dengan satu kertas plastik. Apabila dibawa masuk ke dalam rumahnya dan tutupan matanya dibuka OKT melihat pistol, peluru dan bom tangan telah disusan di atas lantai ruang tamu rumahnya. OKT juga berkata kawannya Shan Tung (Wong Weng Fook) yang telah ditahan oleh polis bersama OKT dan 3 tahanan yang lain telah tinggal bersama OKT di rumah No. 65. Shan Tung tidur di rumah OKT dalam 2 atau 3 hari dalam satu minggu. Shan Tung telah tinggal di rumah No. 65 itu selama satu bulan. Shan Tung tidur di atas satu kusyen yang berada di ruang tamu rumah No. 65 itu. Mini compo itu adalah kepunyaan Shan Tung.

Selain dari OKT pihak Pembela telah memanggil 3 lagi saksi. Dua dari mereka adalah jiran rumah OKT. SB2 Abdul Rahman Haji Mukri yang tinggal di rumah No. 63 mengesahkan bahawa OKT telah tinggal di sebelah rumahnya bersama seorang perempuan yang SB2 anggap adalah isteri OKT. Mengikut SB2 rumah OKT ada dikunjungi pelawat-pelawat yang datang kadang-kadang sahaja.

Seorang lagi jiran Chin Chien Peng (SB4) yang duduk di rumah No. 102 yang berhadapan dengan rumah OKT mengesahkan OKT tinggal di rumah No. 65 itu. SB4 ingat satu peristiwa lebih kurang 5 tahun yang lalu jam lebih kuruang 7 malam bila sekumpulan 4 atau 5 orang pergi ke rumah OKT. SB4 telah terdengar bunyi 'pang' seperti orang menendang untuk membuka pintu. Waktu itu SB4 berada di dalam bilik tamu rumahnya. Kemudian SB4 keluar pergi ke pagar rumahnya setelah melihat jiran-jiran berdiri di depan rumah OKT dan penglihatannya terlindung oleh mereka. Waktu berada di pagar rumahnya SB4 nampak OKT dengan tangannya digari dibawa masuk ke dalam rumah No. 65. SB4 juga mengatakan ada tidak kurang dari 3 buah kereta luar yang berhenti di tempat itu tetapi tidak ada kereta yang bertanda "Polis".

Pihak Pembela juga memanggil Lim Bak Hai (SB3) iaitu seorang dari 5 orang suspek yang ditahan oleh polis bersama dengan OKT. SB3 berkata dia ditahan oleh 3 orang detektif berbangsa Cina pada 23 Jun 1988. Setelah ditangkap SB3 dibawa balik ke rumahnya di Taman Melati, Selayang. Apabila sampai Shan Tung yang pada masa itu berada di dalam rumah itu pun ditangkap juga. Waktu Polis menggeledah rumah itu Shan Tung telah berbual dengan SB3 dan menasihatkan SB3 supaya jangan takut dan memberitahu SB3 barang salah itu berada di rumah OKT. Apabila ditahan di IPK Shah Alam dan disoal siasat pada 24 Jun 1988 SB3 telah memberitahu polis pada jam lebih kurang 2.00 petang bahawa pistol itu disimpan di rumah OKT. SB3 tahu pistol itu berada di rumah OKT sebab Shan Tung yang beritahu dia.

Dari keterangan saksi-saksi Pembela ada 3 isu besar yang ditimbulkan oleh Peguambela, iaitu:

1. Bahawa mini compo di mana pistol itu dijumpai adalah kepunyaan Shan Tung yang tinggal bersama OKT di rumah No. 65 dan OKT tidak tahu langsung mengenai pistol ada disimpan dalam speaker mini compo itu;
2. Bahawa OKT tidak pernah memberitahu ASP Hanafiah (SP5) mengenai pistol disimpan di rumahnya dan OKT tidak pernah membawa atau menunjukkan SP5 jalan pergi ke rumahnya; dan
3. Bahawa maklumat mengenai pistol yang disimpan di rumah OKT itu telah terlebih dahulu diberi oleh Lim Bak Hai (SB3) kepada polis pada 24 Jun 1988 jam lebih kurang 2 petang dan bukan diberi oleh OKT pada hari yang sama jam 6.30 petang.

Ketiga-tiga isu yang ditimbulkan ini hendaklah ditimbangkan berasas kepada kesemua keterangan yang dikemukakan di dalam

perbicaraan ini, iaitu keterangan dari pihak Pembela dan juga pihak pendakwa. Pihak Pembela cuma perlu menimbulkan keraguan yang munasabah kepada kes pendakwaan sahaja.

Mengenai isu pertama, Pegawai Penyiasat, Inspektor Mohd. Husin (SP10) telah menyediakan dan mengemukakan satu rajah kasar bahagian bawah rumah OKT dan mencatitkan barang-barang yang dijumpai di ruang tamu rumah OKT (Exhibit P29). Mengikut P29 tidak ada dinyatakan kusyen atau tilam tidur didapati di ruang tamu rumah OKT. Waktu SP10 diperiksa balas pihak Pembela tidak menyangkal kandung Exhibit P29 itu atau menyarankan ada kusyen di ruang tamu rumah itu.

Selain dari itu SP5 di dalam keterangannya telah membuat pemeriksaan terhadap semua kawasan dalam rumah itu. Di bahagian atas rumah itu terdapat dua bilik tidur. Di dalam bilik tidur pertama terdapat pakaian lelaki dan perempuan, iaitu bilik tidur yang digunakan oleh OKT bersama teman wanitanya. Bilik yang satu lagi itu tidak mempunyai katil atau apa-apa perkakas tidur. Yang ada cuma satu balang tempat pelihara ikan (aquarium). Mengikut OKT, Shan Tung tidur di rumahnya dua atau tiga hari dalam satu minggu. Jikalau benar Shan Tung tidur di rumah OKT sekurang-kurangnya Shan Tung ada meninggalkan sedikit pakaiannya di sana. Seperti bukti menunjukkan teman wanita OKT, Khoo Bee Bee tinggal di rumah itu ada pakaian perempuan dan passpot terhadnya dijumpai oleh polis di dalam bilik pertama rumah itu. Mengenai Shan Tung pula tidak ada bukti langsung yang boleh menunjukkan Shan Tung tinggal di situ. Kusyen yang dikatakan oleh OKT tidak wujud di ruang tamu rumah OKT. Oleh kerana itulah maka SP10 tidak menyebutnya di dalam Exhibit P29. Saya yakin kusyen itu adalah rekaan OKT semata-mata. Pada pendapat saya adalah tidak munasabah bagi Shan Tung tidak meninggalkan sedikit pakaiannya di rumah itu jika benar beliau tinggal dua atau tiga hari dalam seminggu di rumah OKT. Bahkan SB2, jiran sebelah OKT, mengesahkan hanya OKT dengan perempuan yang dianggap sebagai isteri OKT sahaja yang tinggal di rumah itu. Jika benar Shan Tung tinggal di rumah itu dalam 2 atau 3 hari dalam satu minggu sudah tentu SB2 akan mengatakan ada orang ketiga yang tinggal di rumah itu. Keterangan SB2 mengatakan selain dari OKT dan isterinya, tidak ada orang lain yang tinggal di situ. Cuma ada pelawat yang datang tetapi jarang-jarang sekali. Dua atau tiga hari dalam seminggu pada hemat saya adalah kerap dan tidak boleh disifatkan jarang-jarang sekali. Selain dari itu keterangan tuan rumah Mohd. Hanifah (SP4) yang mengatakan OKT tinggal di rumah itu bersama seorang wanita Cina tidak disangkal oleh pihak Pembela. Di atas sebab-sebab yang saya sebutkan di atas saya berpendapat adalah tidak benar Shan Tung tinggal di rumah No. 65 itu bersama OKT. Oleh kerana Shan Tung tidak tinggal di situ maka keterangan OKT mengatakan mini compo itu kepunyaan Shan Tung tidak boleh dipercayai.

Mengenai isu yang kedua pula, ASP Hanafiah (SP5) telah memberi keterangan mengenai percakapannya dengan OKT yang diterjemahkan oleh DPC Loh Choo Har (SP7) dan telah pun diperiksa balas dengan panjang lebar oleh peguambela. Saya tidak mendapati apa-apa sebab mengapa keterangan SP5 mengenai perkara penerimaan percakapan OKT itu tidak boleh diterima. Keterangan SP5 telah disokong oleh keterangan DPC Loh (SP7) yang juga saya dapati tidak terjejas setelah diperiksa balas. Di samping itu keterangan SP5 telah juga disokong dengan catitan yang dibuat olehnya di dalam buku catitannya Exhibit P19 dan laporan polisnya Exhibit P20. Keterangan OKT yang bergantung semata-mata kepada penafian tidak berupaya menjejaskan keterangan SP5 mengenai isu ini. Setelah menimbangkan keterangan pihak Pembela terutama sekali keterangan OKT saya berpuas hati kebenaran keterangan SP5 mengenai isu ini tidak dapat diragukan. Saya berpendapat percakapan di antara SP5 dan OKT yang diterjemahkan oleh SP7 waktu disoal siasat di IPK, Shah Alam dan kemudiannya waktu berada di rumah OKT pada 24 Jun 1988 benar-benar wujud.

Mengenai isu yang ketiga pula, iaitu bahawa maklumat pertama yang polis ketahui mengenai pistol berada di rumah OKT itu adalah diberi oleh Lim Bak Hai (SB3) pada 24 Jun 1988 jam lebih kurang 2 petang, saya percaya jika perkara itu benar maka pihak polis tidak akan membuang masa menunggu hingga lebih kurang jam 6.30 petang untuk pergi ke rumah OKT itu. Soal siasat terhadap kelima-lima orang tahanan itu yang bermula pada 23 Jun 1988 adalah

dilakukan untuk mendapatkan maklumat mengenai barang kes yang berkenaan. Sudah tentu sejurus selepas maklumat mengenai pistol itu diperolehi dari Lim Bak Hai pihak polis akan berkejaran ke rumah OKT itu. Dan jika benar Lim Bak Hai orang yang memberi maklumat itu beliau semestinya dibawa bersama. Tambahan pula Lim Bak Hai berkata ia tahu alamat rumah OKT. Tetapi Lim Bak Hai tidak dibawa bersama oleh polis ke rumah OKT pada hari tersebut. Setelah menimbangkan segala fakta-fakta yang terdapat dalam kes ini saya tidak percaya langsung bahawa maklumat mengenai pistol berada di rumah OKT itu diberi oleh Lim Bak Hai.

Di samping itu adalah diperhatikan bahawa cara dan waktu Lim Bak Hai menerima maklumat itu dari Shan Tung amatlah dicurigakan. Waktu Shan Tung dan Lim Bak Hai ditangkap di dalam rumah Lim Bak Hai dan semasa pemeriksaan rumah itu dijalankan Shan Tung telah berbual dengan Lim Bak Hai dan memberitahu Lim Bak Hai bahawa barang salah itu ada disimpan di rumah OKT. Mengikut keterangan Lim Bak Hai ketiga-tiga detektif yang terlibat di dalam penangkapan Lim Bak Hai, Shan Tung dan yang lain itu kesemuanya berbangsa Cina. Waktu polis melakukan pemeriksaan rumah Lim Bak Hai sudah semestinya ada seorang dari anggota detektif itu sentiasa mengawal tangkapan Lim Bak Hai dan Shan Tung untuk menentukan mereka tidak lari. Seperti yang dinyatakan oleh Lim Bak Hai cuma tangan mereka sahaja digari. Tanpa digari kakinya, mereka boleh lari dari situ jika tidak ada detektif yang menjaga mereka. Oleh itu bagaimanakah Shan Tung berani berbual dengan Lim Bak Hai mengenai fasal barang kesalahan pistol itu tanpa didengar oleh detektif yang berbangsa Cina yang menjaga mereka? Mengikut keterangan Lim Bak Hai, mereka berbual dan bukan bererti mereka berbisik. Saya rasa adalah sangat mustahil bagi mereka berani untuk berbual mengenai pistol itu dengan dihadiri oleh anggota polis. Dalam keadaan yang saya sebutkan di atas, saya berpendapat kebolehpercayaan keterangan Lim Bak Hai tanpa sokongan dari keterangan saksi lain terutama sekali Shan Tung adalah terlalu sukar untuk diterima tambahan pula apabila memandangkan persahabatan dan penglibatan Lim Bak Hai dengan OKT. Lim Bak Hai telah ditahan bersama-sama dengan OKT dan mengaku bahawa OKT adalah kawannya. Di dalam isu ini keputusan Raja Azlan Shan H. (ianya pada masa itu) di dalam kes *Liow Siow Long lwn. PP* [1970] 1 MLJ 40 adalah berkaitan:

> Testimony of close relations is not tainted if it is otherwise reliable in the sense that the witnesses are competent witnesses who were at the scene of the occurrence and could have seen what had happened. But if it is proved that they are not entirely disinterested witnesses, e.g. they either partisans of the complainant or are in any way inimical to the accused, then their testimony is tainted and requires corroboration.

Seperkara lagi yang timbul mengenai kebenaran keterangan Lim Bak Hai, ialah pada waktu SP5 memberi keterangan mengenai maklumat yang diterima dari OKT mengapakah pihak Pembela tidak pernah menimbulkan atau menyarankankan bahawa maklumat mengenai pistol disimpan di rumah OKT itu sebenarnya diberi oleh Lim Bak Hai dan tidak diberi oleh OKT? Di dalam pemeriksaan balas pihak Pembela tidak pernah menyoal SP5 atau menyarankan bahawa Lim Bak Hai ada memberi maklumat kepada pihak polis. Oleh yang demikian keterangan Lim Bak Hai mengenai maklumat yang diberinya kepada polis itu adalah perbuatan "afterthought". Di atas sebab-sebab yang saya sebutkan itu kebenaran bahawa Lim Bak Hai memberi maklumat tersebut kepada polis pada tarikh dan masa yang tersebut tidak boleh diterima.

Selain dari itu pihak Pembela juga menegaskan bahawa ada pasukan polis yang mula-mula datang ke rumah OKT sebelum pasukan polis yang membawa OKT sampai ke situ. Pihak Pembela cuba membuktikan bahawa apabila OKT yang ditutup matanya dibawa masuk ke dalam rumahnya barang-barang kes telahpun sedia disusun di ruang tamu rumahnya. Mengenai perkara ini pihak Pembela telah banyak bergantung kepada keterangan Chin Chien Peng (SB4). Menurut keterangan SB4 waktu beliau berada di ruang tamu rumahnya yang berhadapan dengan rumah OKT ada 4 atau 5 orang pergi ke rumah OKT pada jam lebih kurang 7 malam. SB4 terdengar bunyi "pang" seperti orang menendang buka pintu rumah OKT. Sejurus kemudian jiran-jiran yang keluar telah melindungi pemandangannya. Untuk terus dapat memerhati peristiwa yang berlaku di rumah OKT, SB4 telah keluar ke pagar rumahnya. Waktu itu ia ternampak OKT dibawa masuk ke dalam rumah oleh polis dengan keadaan tangannya digari.

Setelah menimbangkan keterangan SB4 dengan keterangan saksi-saksi pendakwa saya dapati keterangan SB4 banyak menyokong keterangan saksi pihak pendakwa. Misalnya SB4 mengatakan dia nampak 4 atau 5 orang pergi ke rumah OKT pada pukul 7 malam. Keterangannya ini adalah menyokong keterangan SP5 yang mengatakan beliau pergi ke rumah OKT jam lebih kurang 7.00 petang bersama DPC Loh, D/Kpl. Rajakopal, Pemandu D/Kpl Zainal Abidin dan OKT yang mana rombongan itu berjumlah 5 orang. Keterangan SP5 ini tidak pernah disangkal oleh pihak Pembela. SB4 juga berkata pasukan polis yang pertama kali sampai ialah pada jam lebih kurang 7 petang dan apabila sampai ke rumah OKT itu SB4 terdengar bunyi orang menendang pintu. Keterangan ini juga konsisten dengan keterangan SP5 yang mengatakan D/Kpl Rajakopal telah menendang buka pintu rumah OKT yang berkunci setelah mereka sampai ke rumah OKT pada jam lebih kurang 7.00 petang itu. Memandangkan rumah itu berkunci dan cuma ditendang buka pada jam lebih kurang 7.00 petang maka tidak ada kemungkinan bahawa ada pasukan polis yang lain yang datang terlebih dahulu dari jam 7.00 petang. Dari keterangan yang dikemukakan saya berpuas hati pasukan polis yang pertama sekali yang datang ke rumah OKT ialah pasukan yang diketuai oleh SP5 bersama OKT yang berjumlah 5 orang.

Adalah juga diperhatikan bahawa banyak keterangan saksi-saksi pihak Pembela bercanggah di antara satu sama yang lain, terutama sekali mengenai keterangan OKT. Sebagai contoh, pertama, OKT berkata Shan Tung tinggal bersama dengannya di rumah No. 65. Tetapi SB2 berkata hanya OKT dengan isterinya sahaja yang tinggal di rumah itu. Kedua, OKT berkata polis telah menutup matanya waktu di bawa ke rumahnya. Tetapi SB4 mengatakan OKT cuma digari tangannya. Jika mata OKT ditutup sudah tentu SB4 dapat melihatnya kerana SB4 nampak OKT dibawa masuk di dalam rumahnya. Untuk mengecam OKT. SB4 mestilah dapat melihat muka OKT. Jika mata OKT ditutup tidak mungkin SB4 dapat mengecamnya dari jarak yang agak jauh iaitu dari tempat pagar rumah SB4 ke pintu rumah OKT. Ketiga, OKT berkata Shan Tung pun dibawa bersama ke rumah itu. SB4 tidak mengatakan ada orang lain yang digari tangannya berada dengan OKT. Beliau cuma nampak OKT sahaja yang digai. Jikalau Shan Tung dibawa bersama sudah tentu SB4 akan nampak sebab Shan Tung juga mesti digari tangannya. Di atas percanggahan yang ditimbulkan itu maka kebenaran terhadap keterangan OKT adalah terjejas dan tidak boleh dipercayai.

Peguambela telah juga merujuk kepada beberapa kes. Satu daripadanya ialah *PP lwn. Tan Keo Hock* [1982] 2 MLJ 190 di mana V.C. George H. telah menolak penerimaan percakapan OKT kepada polis di bawah s. 27 Akta Keterangan. Saya berpendapat fakta kes *PP lwn. Tan Keo Hock* adalah berbeza dengan kes ini. Di dalam kes itu percakapan OKT dibuat kepada D/Kpl. Tan Sia Peng yang berpangkat rendah dari Inspektor dan juga percakapan sebenar OKT yang dituturkan olehnya tidak dibuktikan di Mahkamah. Di dalam kes ini percakapan OKT adalah dibuat kepada SP5 yang berpangkat Inspektor pada masa itu dengan SP7 bertindak sebagai penterjemahnya. Saya juga puas hati bahawa jawapan OKT yang sebenar di dalam kes ini telah dibuktikan di dalam perbicaraan ini. Jawapan OKT yang dibuat di IPK Shah Alam telah juga dicatitkan di dalam Exhibit P19. Keraguan mengenai percakapan OKT yang sebenar tidak langsung timbul.

Satu lagi kes yang dirujuk oleh peguambela ialah kes *PP lwn. Liew Sam Seong* [1982] 1 MLJ 223 di mana permohonan pihak pendakwa untuk mengemukakan maklumat yang diberi oleh OKT di bawah s. 27 Akta Keterangan telah ditolak atas alasan maklumat berkenaan telah terlebih dahulu diketahui oleh polis. Fakta kes *Liew Sam Seong* adalah berbeza dengan kes ini. Di dalam kes ini dari keterangan yang dikemukakan, saya berpuas hati maklumat yang diberi oleh OKT kepada SP5 pada 24 Jun 1988 jam lebih kurang 6.30 petang adalah maklumat yang pertama kali diketahui oleh polis, dan dengan serta merta polis telah pergi ke rumah OKT dan sampai di sana pada jam lebih kurang 7.00 petang. Keterangan bahawa Lim Bak Hai yang mula-mula memberitahu pihak polis mengenai pistol itu disimpan di rumah OKT pada jam 2.00 petang adalah tidak dipercayai.

Pegumbela sekali lagi telah memohon agar Mahkamah menimbangkan kes *Pang Chee Meng lwn. PR (supra).* Saya telah pun menimbangkan semula keputusan kes itu dengan mengambil kira keterangan yang dikemukakan oleh saksi-saksi bagi pihak Pembela. Bagaimanapun saya

berpendapat fakta kes ini adalah sangat berbeza dengan kes *Pang Chee Meng*. Keputusan saya mengenai kes ini masih tidak berubah. Percakapan OKT kepada SP5 boleh diterima sebagai keterangan di bawah s. 27 Akta Keterangan.

Setelah menimbangkan kesemua keterangan yang dikemukakan di dalam perbicaraan ini saya berpendapat pihak Pembela telah gagal menimbulkan apa-apa keraguan terhadap kes pihak pendakwa. Di akhir perbicaraan ini pihak pendakwa telah berjaya membuktikan Tuduhan Pertama dan Tuduhan Kedua terhadap OKT pada tahap "beyond reasonable doubt". Oleh itu saya dapati OKT bersalah di atas Tuduhan Pertama di bawah s. 57(1)(a) Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 seperti yang dipertuduhkan dan sabit kesalahannya. Saya juga dapati OKT bersalah di atas Tuduhan Kedua di bawah s. 57(1)(b) Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 dan sabit kesalahannya. Mengikut kehendak Undang-Undang saya menjatuhkan hukuman mati yang *mandatori* ke atas OKT terhadap Tuduhan Pertama. Hukuman ke atas OKT terhadap Tuduhan Kedua adalah ditangguhkan.